

# JAKIM, KPDNKK digesa pantau lambakan produk

**Kuala Lumpur:** Jabatan Kema-juan Islam Malaysia (JAKIM) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) diminta bekerjasama memantau lambakan produk dari China yang diragui kesahihan status halalanya.

Pengarah Unit Tindakan Khas Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Mohd Yusuf Azmi, berkata banyak produk yang dijual mempunyai maklumat yang kabur mengenai bahan yang digunakan.

“Sudah menjadi kewajipan bagi pengguna Muslim mendapatkan produk yang ingin diguna pakai bersih lagi suci pembuatannya.

“Justeru, kami berharap kedua-dua agensi berkenaan lebih proaktif dengan melakukan pemeriksaan lebih kerap bagi memastikan produk yang ada di pasaran Halal,” katanya kepada *BH*.

Mohd Yusuf berkata, tinjauan PPIM mendapati banyak barangan kegunaan harian dijual hanya tertulis *Pure Bristles* atau *Bristles*, nya-

ta meresahkan pengguna Muslim kerana perkataan itu memberi maksud bulu haiwan.

“Antaranya ialah berus gigi, berus pengilat kasut atau songkok, berus alat kosmetik, berus lukisan, berus pengilat kek, berus cat dan banyak lagi dengan pelbagai jenama terkenal dijual begitu meluas di pasaran.

## **Produk tiada logo JAKIM**

“Lebih mengelirukan, barangan kegunaan harian itu dijual tanpa

pelekat atau cop logo JAKIM, malah diletakkan bersama-sama produk lain. Kurang prihatin dengan bahan asas produk berkenaan, tanpa berfikir panjang, pengguna terus mengambilnya.

“Dalam keadaan ekonomi kurang memberangsangkan, pengguna tiada pilihan dan membeli barang berharga murah tanpa memikirkan bahan digunakan,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia

(UPM), Prof Dr Suhaimi Mustafa, berkata setiap barangan kegunaan umat Islam yang dibawa masuk ke negara ini, perlu melalui prosedur ujian pensijilan halal Malaysia, MS 2200:2012 sebelum ia dijual kepada pengguna.

“Majlis Fatwa Kebangsaan memutuskan semua barangan kegunaan umat Islam meliputi tulang, kulit dan bulu haiwan perlu melalui prosedur ini. JAKIM diberi tanggungjawab mengawal selia prosedur terbabit,” katanya.